



## JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN KENYATAAN TENDER

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang** seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:-

Bil	No. Rujukan / Butir-Butir Pelawaan	Kod Bidang	Tarikh Tutup (12.00 tgh)	Syarat Utama Pelawaan
1	<b><u>JPS/P/SK/C/KPLB/01/2021</u></b> Menyediakan Perkhidmatan Perunding Berkaitan Kajian Kejuruteraan, Rekabentuk Terperinci, Dokumentasi Tender, Penyeliaan Pembinaan Dan Lain-Lain Perkhidmatan Profesional Asas Bagi "Membina Jalan Dari Kampung Murud Suang Ke Kampung Long Tengoa, Lawas, Sarawak."	330101 (Kejuruteraan Awam) dan 330102 (Kejuruteraan Struktur)	<b>30 September 2021 (Khamis)</b>	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan; dan 2. Tempoh Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah
2	<b><u>JPS/P/SK/C/KPLB/02/2021</u></b> Menyediakan Perkhidmatan Jurukur Tanah Bagi "Membina Jalan Dari Kampung Murud Suang Ke Kampung Long Tengoa, Lawas, Sarawak."	330203 (Ukur Tanah)		

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan Tender dan boleh mendapatkan Dokumen Pelawaan di Cawangan Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak, Ibu Pejabat JPS Sarawak, Tingkat 10, Wisma Saberkas, Jalan Tun Abang Haji Openg, 93626 Kuching bermula **pada 8 September 2021 (Rabu) hingga 29 September 2021 (Rabu)**. Petender hendaklah membawa SALINAN Pendaftaran Kementerian Kewangan/Sijil Virtual yang dicetak dari sistem e-Perolehan, Kementerian Kewangan Malaysia yang telah disahkan dan menyerahkan satu salinan sijil-sijil berkenaan semasa mengambil dokumen pelawaan berkenaan dan juga salinan kad pengenalan Pemilik atau wakilnya. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar RM110.00 bagi setiap satu (1) set (Bil 1) dan RM60.00 (Bil.2). Bayaran hendaklah menggunakan Draf Bank atau Kiriman Wang Pos (Money Order) atau Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order) atau Sarawak Pay yang dibayar atas nama Kerajaan Negeri Sarawak. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak**.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Cawangan Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak, Ibu Pejabat JPS Sarawak, Tingkat 10, Wisma Saberkas, Jalan Tun Abang Haji Openg, 93626 Kuching tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada 30 September 2021 (Khamis)**. Dokumen cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Pautan Borang Temujanji yang perlu diisi oleh Pentender 2 hari sebelum temujanji adalah di TALIAN <https://did.sarawak.gov.my>.



.....  
(DATU CHOK MOI SOON)  
Pengarah Pengairan dan saliran,  
Sarawak